

Penjaga pusat konservasi sedih anak panda gergasi akan dihantar pulang ke China

'Selamat tinggal Nuan Nuan'

KOSMO M/S 17 07/10/2017


KUALA LUMPUR – “Selamat tinggal Nuan Nuan, jaga diri baik-baik, jangan nakal-nakal di tempat baharu, dengar cakap penjaga di sana.”

Itu antara pesanan penjaga-penjaga panda gergasi di Pusat Konservasi Panda Gergasi (GPCC) Zoo Negara kepada Nuan Nuan, anak panda berusia 26 bulan yang akan dihantar pulang ke China pada 14 November ini.

Menyaksikan sendiri tumbesaran anak panda betina itu sejak ia dilahirkan pada 18 Ogos 2015 sehingga mencapai berat lebih 80 kilogram sekarang, Ahmad Nizam Zainuddin, 34, antara tujuh penjaga panda gergasi di GPCC, menyifatkan perpindahan tersebut satu perkara yang amat berat buat dirinya.

“Daripada saiznya sekecil tapak tangan ketika dilahirkan sehinggalah ia berusia lebih dua tahun, Nuan Nuan umpama anak saya sendiri kerana hampir setiap hari kami meluangkan masa bersamanya selain menjaga ibu bapanya di GPCC.”

“Sifatnya yang lincah, aktif dan manja itu begitu sukar dilupakan. Walaupun agak berat hati untuk berpisah dengan Nuan Nuan sifatnya yang comel dan



GELAGAT Nuan Nuan bersama ibunya, Liang Liang (kanan) menjadi tarikan pengunjung di GPCC, Zoo Negara Kuala Lumpur.

berdisiplin itu akan dikenang sampai bila-bila,” katanya kepada Bernama semalam.

Berkongsi pengalamannya menjaga Nuan Nuan, Ahmad Nizam berkata, antara makanan kegemaran anak panda gergasi itu ialah kek panda seberat satu kilogram yang diperbuat daripada buah-buahan dan telur.

“Istimewanya Nuan Nuan boleh memahami arahan dalam bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris kerana kami sentiasa

bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris manakala seorang lagi petugas GPCC dari China berbahasa Mandarin dengannya,” kata Ahmad Nizam.

Seorang lagi petugas GPCC, Syaza Syazwan Rusli berkata, pengalaman menjaga anak panda itu begitu istimewa dan unik buat dirinya kerana menguji daya kesabaran dan dapat melatih sifat penyayang.

“Apabila diberi tugas menjaga pasangan panda gergasi



BAPA Nuan Nuan, Xing Xing menggemari buluh betung sebagai diet hariannya.

Xing Xing dan Liang Liang serta anaknya Nuan Nuan, saya begitu teruja dan pada masa yang sama agak risau kerana penjagaan panda tidak sama seperti menjaga haiwan lain.

“Penjagaan anak panda umpama menguruskan bayi manusia, ia memerlukan kesabaran yang tinggi,” kata Syaza.

Nuan Nuan akan dihantar pulang ke Dujiangyan Panda Base di Sichuan, China, tempat asal ibu bapanya pada 14 November ini.

INFO

Panda di Zoo Negara

- **15 Jun 2012** – Kedatangan Xing Xing (jantan) dan Liang Liang (betina) adalah hasil Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi yang ditandatangani negara ini dan China.
- **21 Mei 2014** – Pasangan panda gergasi tersebut tiba dan ditempatkan di Pusat Konservasi Panda Gergasi yang dibina khusus untuk mamalia berkenaan.
- **18 Ogos 2015** – Anak panda gergasi pertama, yang diberi nama Nuan Nuan telah dilahirkan di Zoo Negara, Kuala Lumpur.
- **18 Ogos 2017** – Nuan Nuan menyambut hari lahir kedua sebelum meninggalkan negara ini pada 14 November depan.



NUAN NUAN hanya sebesar tapak tangan sewaktu dilahirkan ibunya.